



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**19 Ogos 2024  
14 Safar 1446H**

<b>Utusan Malaysia</b>	•
<b>Berita Harian</b>	•
<b>Harian Metro</b>	• MSU perkasa komuniti pelihara terumbu karang
<b>Kosmo !</b>	•
<b>Sinar Harian</b>	• 92,000 tempat kediaman terlibat Banci Pertanian 2024 di Terengganu
<b>The Star</b>	•
<b>New Straits Time</b>	•
<b>Nanyang Siang Pau</b>	•
<b>Malaysia Gazette</b>	•
<b>The Sun</b>	•
<b>Malaysiakini</b>	•
<b>Bernama</b>	•
<b>Borneo Post (KK)</b>	•
<b>Guan Ming Daily</b>	•
<b>Sabah Media</b>	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			34	19-8-2024

Management and Science University (MSU) melalui International Medical School (IMS) mengorak langkah signifikan ke arah pemuliharaan ekosistem marin dan pemerkasaan komuniti menerusi pelancaran projek MyCoral Community Diver.

Berlangsung di Nelayan Resort dan Taman Laut Pulau Redang, inisiatif ini adalah sebahagian daripada MyCoral Eco Marine Project bertujuan memelihara terumbu karang serta menyokong komuniti tempatan khususnya nelayan di Setiu, Terengganu.

Projek MyCoral Community Diver yang mendapat sokongan dalam bentuk geran bernilai RM40,000 oleh APPGM SDG Income Generation bermatlamat memperkasakan komuniti tempatan terpilih terdiri daripada nelayan, pelajar dan keluarga mereka sebagai

penyelam skuba bertauliah serta pakar pemuliharaan karang.

MSU dalam kenyataan media berkata, peserta yang mengikuti program sudah menjalani program latihan 12 modul komprehensif meliputi teknik selam skuba, kaedah pemuliharaan karang, pemasaran digital dan celik kewangan.

"Melalui lesen selam skuba dan menguasai teknik pemuliharaan karang, peserta bakal menjana pendapatan melalui pakej pelancongan, ekopelancongan dan pemuliharaan terumbu karang, sekali gus memupuk kelestarian ekonomi dalam kalangan komuniti setempat.

"Projek MyCoral Community Diver ini turut membabitkan kerjasama pintar MSU dengan Jabatan Perikanan

Malaysia, Dorken Reef Resources, RAH Venture dan Persatuan Nelayan Kawasan Setiu untuk memastikan pendekatan holistik terhadap pemuliharaan terumbu karang khususnya dan kelestarian ekosistem marin secara amnya serta pembangunan holistik komuniti setempat," katanya.

Projek MyCoral Community Diver itu dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia, Haji Wan Muhammad Aznan Abdullah.

Turut hadir, Pengarah Perikanan Negeri Terengganu Ruzaidi Mamat dan Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Pelajar dan Kerjaya MSU, Adnan Rosley.

MSU MyCoral Eco Marine Project bakal

## MSU perkasa komuniti pelihara terumbu karang



PESERTA menjalani program latihan 12 modul komprehensif.

Hm, m34



MYCORAL Community Diver mendidik, menjana pendapatan dan menggalak pembabitian masyarakat dalam pemuliharaan terumbu karang.

memasuki edisi 7.0 pada 2024 sejak ia bermula pada 2016.

Strategi pelaksanaan secara menyeluruh MSU dalam pemuliharaan terumbu karang ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan populasi terumbu karang khasnya di Malaysia, amnya di dunia serta turut menyokong Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG).

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL		18	19.8.2024

## 92,000 tempat kediaman terlibat Banci Pertanian 2024 di Terengganu

**BESUT** - Lebih 92,000 tempat kediaman dan 480 pertubuhan perniagaan yang melaksanakan aktiviti pertanian terlibat dalam pelaksanaan Banci Pertanian

2024 di seluruh Terengganu. Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, sebanyak 55,815 tempat kediaman (60.4 peratus) dan 363

pertubuhan perniagaan (75.6 peratus) yang terlibat dengan aktiviti pertanian telah selesai dilawati sehingga Sabtu lalu. Tambah beliau yang juga

Pesuruhjaya Banci, pelaksanaan banci di tempat kediaman pertanian pula melibatkan 18,322 iaitu bersamaan 19.8 peratus.

"Hasil bancian tersebut menunjukkan subsektor tanaman adalah penyumbang tertinggi kepada sektor pertanian iaitu 69.0 peratus.

"Ia diikuti subsektor ternakan (24.2 peratus), subsektor perikanan (6.5 peratus) serta subsektor perhutanan dan pembalakan (0.2 peratus)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas lawatan Pengoperasian dan Pemantauan Banci Pertanian di Ayana Agrotech Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (Tanaman Melon Manis) di Kampung Tok Dor di sini pada Ahad.

Menurutnya, Hulu Terengganu merekodkan peratus tempat kediaman selesai dilawati tertinggi iaitu 75.1 peratus, Kemaman (72.0 peratus), Dungun (69.5 peratus), Kuala Terengganu (63.2 peratus), Besut (60.9 peratus), Setiu (53.3 peratus), Kuala Nerus (46.1 peratus) dan Marang (45.1 peratus).

Jelas beliau, Besut men-

catkan peratus tempat kediaman pertanian tertinggi sebanyak 30.9 peratus, diikuti Hulu Terengganu (30.3 peratus), Setiu (27.7 peratus), Dungun (20.2 peratus), Kemaman (17.8 peratus), Kuala Terengganu (14.3 peratus), Marang (13.3 peratus) dan Kuala Nerus (8.9 peratus).

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berharap pelaksanaan Banci Pertanian 2024 di Terengganu terus mendapat komitmen dan kerjasama penduduk serta pengusaha perniagaan yang terlibat dengan aktiviti pertanian sepanjang tempoh ia dijalankan bermula 7 Julai hingga 10 Oktober ini.

Menurutnya, orang awam tidak perlu bimbang untuk berkongsi maklumat kerana kerahsiaan tersebut dijamin sebagaimana termaktub di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989).

"Pengumpulan data yang sahih ini penting bagi menghasilkan data pertanian komprehensif dan menjadi penanda aras baharu untuk mewujudkan pangkalan data pertanian negara," katanya.



Mohd Uzir (tengah) melawat tanaman melon manis sempena lawatan Pengoperasian dan Pemantauan Banci Pertanian 2024 di Kampung Tok Dor pada Ahad.